

## Pelbagai Aktiviti Menarik Hilang Kebosanan Semasa PKP



Oleh: Izzah Ismadi

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Diterbitkan pada 11 Julai 2021*

Rakyat Malaysia seakan-akan alergi mendengar istilah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Mana tidaknya, sudah setahun lebih pergerakan dikawal, dan seolah-olah kebebasan mereka telah ditarik.

PKP yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mula dikuatkuasakan sejak Mac tahun lalu bagi mengurangkan penularan pandemik COVID-19 di negara ini.



Gambar hiasan

Tanpa disedari, sudah lebih setahun kita menjalani rutin yang kini menjadi norma bagi seluruh rakyat Malaysia.

Walaupun kelonggaran seperti kebenaran merentas negeri pernah diberikan sebelum ini, kerajaan terpaksa melaksanakan PKP 3.0 apabila jumla kes baharu COVID-19 naik mendadak.

Pelbagai reaksi timbul berikutan pengumuman pelaksanaan PKP 3.0 oleh kerajaan. Ada yang memuji namun tidak kurang juga yang mengkritik.

Sebahagian rakyat seperti cacing kepanasan apabila diarahkan supaya berkurung semula di dalam rumah masing-masing kerana tindakan itu membataskan kebebasan mereka untuk bergerak.

Dari sudut positif, banyak perkara yang dapat dilakukan di rumah semasa tempoh PKP. Rakyat boleh menggunakan kreativiti masing-masing untuk menghasilkan video yang menarik serta mampu menjadi trend dalam media sosial.

Contohnya, video adun semula karya Bass Agents yang mengandungi petikan ucapan pengumuman pelaksanaan PKP oleh Perdana Menteri.

Bass Agents menghasilkan video tersebut dengan hasrat memberi kesedaran tentang pematuhan prosedur operasi standard (SOP) PKP kepada rakyat melalui kaedah penyampaian yang mampu menarik minat rakyat terutamanya golongan muda.

Najwa Mahiaddin yang merupakan anak Muhyiddin juga berpendapat bahawa video adun semula tersebut adalah sangat *cool* dan *catchy*, serta kagum dengan kemampuan rakyat Malaysia menghasilkan karya sedemikian.

Selain muzik, inovasi penghasilan minuman baharu seperti kopi Dalgona yang menjadi pilihan di seluruh dunia turut menarik minat rakyat Malaysia.

Video orang ramai cuba menghasilkan kopi Dalgona dapat ditonton dalam pelbagai platform media sosial. Ada yang berhasil dan ada yang gagal. Ramai juga yang mengadu tangan mereka lenguh.

Malah, ikon antarabangsa seperti BTS (*Beyond the Scene*) turut membuat Dalgona secara siaran langsung sambil berinteraksi dengan para peminat mereka.



Gambar hiasan

Aplikasi TikTok turut memainkan peranan dalam mengurangkan kebosanan rakyat. Berdasarkan statistik penggunaan TikTok oleh Sensor Tower pada April 2020, aplikasi tersebut telah dimuat turun lebih dua bilion kali di seluruh dunia.

Rakyat boleh menggunakan masa terluang dengan menghasilkan video sendiri untuk dimuat naik ke dalam TikTok atau menonton video yang dihasilkan oleh orang lain.

Selain itu, rakyat Malaysia boleh melakukan pelbagai aktiviti lain seperti menonton siri drama kegemaran mereka atau menghasilkan resipi baharu.

Apa yang lebih penting, mereka seharusnya kekal berfikiran positif dalam mengharungi tempoh PKP yang menyebabkan pergerakan dan aktiviti di luar rumah menjadi terbatas.